

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
29 APRIL 2015**

**1. TAKZIAH KEPADA KELUARGA AHLI MAJLIS MPSP
ALLAHYARHAMAH PUAN SHAFIQAH SHOBHA BINTI
ABDULLAH**

Majlis mengucapkan takziah kepada keluarga Ahli Majlis MPSP Allahyarhamah Puan Shafiqah Shobha binti Abdullah di atas kembalinya beliau ke Rahmatullah di usia 47 tahun pada 28 April 2015. Allahyarhamah Puan Shafiqah Shobha binti Abdullah mula berkhidmat sebagai Ahli Majlis MPSP pada 1 Julai 2013. Beliau merupakan seorang Ahli Majlis yang berdedikasi terhadap tugas dan komited dengan tanggungjawab yang diberi. Sepanjang menjadi Ahli Majlis, beliau telah menganggotai :

- Jawatankuasa Pentadbiran & Kewangan
- Jawatankuasa Pelesenan & Penguatkuasaan
- Jawatankuasa Rayuan Cukai Seberang Perai Tengah
- Jawatankuasa Mendengar Bantahan
- Jawatankuasa Bertindak Bersih Indah Zon Tengah

- Jawatankuasa Gender
- Jawatankuasa OKU
- Jawatankuasa Rayuan Ruang Niaga
- Jawatankuasa Taskforce Pelancongan
- Jawatankuasa LA 21 Kecemerlangan Wanita

MPSP merasa kehilangan seorang Ahli Majlis yang aktif dan rajin dalam membantu Pihak Pengurusan MPSP. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh beliau dan ditempatkan bersama dengan orang-orang yang beriman dan solehah dan jasanya sentiasa dikenang.

2. BORANG SOAL SELIDIK BAJET MPSP 2016

Sukacitanya di sini saya memaklumkan bahawa Majlis sekali lagi menyediakan borang Soal Selidik Bajet 2016 untuk mendapatkan pandangan daripada warga Seberang Perai berhubung tahap kepuasan pelanggan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh MPSP. Hasil daripada soal selidik ini akan digunakan sebagai input kepada perancangan tahun 2016 ke atas perkhidmatan yang perlu ditambahbaik dan diberi keutamaan oleh Majlis.

Soal selidik kali ini akan diedarkan di kawasan-kawasan terpilih di seluruh Seberang Perai seperti di pasaraya-pasaraya besar, kawasan-kawasan awam serta di program-program anjuran MPSP. Warga Seberang Perai juga boleh mengambil bahagian dalam Soal Selidik Bajet 2016 secara online dengan melayari laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my mulai 29 April 2015 sehingga 31 Mei 2015.

Borang soal selidik (*hard copy*) ini juga akan diedarkan kepada semua Ahli Majlis MPSP di kawasan masing-masing bagi membolehkan masyarakat setempat turut serta dalam Soal Selidik Bajet kali ini. Soal Selidik Bajet 2016 telah disediakan dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil supaya komuniti pelbagai bangsa boleh memahami soal selidik dan turut mengambil bahagian dalam soal selidik kali ini.

Majlis amat menghargai masa dan kerjasama semua warga Seberang Perai dalam memberi pandangan dan mengisi borang soal selidik ini. Semua maklumbalas yang diperolehi akan dianalisa dan dimasukkan dalam persediaan Bajet MPSP

2016. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai yang terlibat di talian 04-5497460 @ norshazila@mpsp.gov.my (Puan Norshazila), 04-5497668 @ mazriff@mpsp.gov.my (Encik Mohamad Nizam) dan 04-5497841 @ rahida@mpsp.gov.my (Pn. Rahida).

3. MPSP CAR FREE MORNING @ SEBERANG PERAI

Sukacita dimaklumkan *MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai* akan diadakan pada setiap Ahad minggu pertama mulai 3 Mei 2015 (Ahad) dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengahari di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya. Oleh itu, Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3 akan ditutup untuk tujuan tersebut.

Program *MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai* ini memberi peluang kepada warga Seberang Perai untuk menyertai aktiviti riadah senamrobik dan berbasikal di kawasan tersebut pada waktu pagi. Program ini juga dilihat sebagai satu usaha untuk mengurangkan pencemaran udara dan meningkatkan kesedaran mencintai alam sekitar dalam kalangan penduduk dan juga menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat. Pelbagai aktiviti lain seperti

pameran pendidikan mesra alam, gerai-gerai jualan, permainan tradisional akan dapat disertai oleh orang ramai.

Justeru, saya mengharapkan dengan adanya kegiatan seumpama ini, orang ramai akan turut serta bagi menghidupkan Bandar Seberang Perai menjadi *liveable city* dan masyarakat akan lebih prihatin dengan tanggungjawab mereka untuk mewariskan persekitaran yang bersih, selamat dan sihat untuk generasi akan datang. Program ini akan dilancarkan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Opinang pada 3 Mei 2015.

4. OPERASI SERAHAN WARAN TAHANAN

Saya di sini ingin memaklumkan bahawa operasi serahan waran tahanan telah bermula pada 9 April 2015 ke atas pemilik premis yang masih belum menjelaskan tunggakan cukai taksiran.

Pemilik premis dinasihatkan agar menjelaskan tunggakan dengan **SEGERA** bagi mengelakkan pemilik premis dikenakan waran tahanan dan sitaan harta alih oleh MPSP. Bayaran boleh

dibuat di kaunter bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi atau secara online di laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my

Sila hubungi di talian 04-5497790/470/471 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai cukai taksiran anda.

5. HARI PEKERJA 2015

Dimaklumkan Hari Pekerja akan disambut pada 1 Mei 2015 (Jumaat). Justeru, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja kepada semua warga kerja, khususnya pekerja-pekerja di Seberang Perai.

6. SELAMAT MENYAMBUT HARI WESAK

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Wesak kepada semua penganut Buddha yang bakal meraikannya pada 3 Mei 2015 (Ahad) dan 4 Mei 2015 (Isnin) adalah merupakan hari cuti gantian.

7. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Adalah dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 3 Mei 2015 (Ahad). Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 17 Mei 2015 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 24 Mei 2015 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

SEKIAN, TERIMA KASIH.